

09 OCT 1997

Anwar-Sokong

MAJLIS TERTINGGI UMNO SOKONG PADU KEPIMPINAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno malam ini menyatakan sokongan padu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk terus memimpin parti dan kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mewakili seluruh anggota MT berkata mereka menaruh keyakinan kepada Dr Mahathir untuk memimpin dan mengurus masalah kewangan dan ekonomi yang sedang dihadapi negara sekarang.

"Kita juga membuat ketetapan mengecam segala percubaan sama ada di media asing atau kalangan lainnya yang cuba menggugat kewibawaan dan kepimpinan Dr Mahathir," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat MT Umno yang dipengerusikan Dr Mahathir selaku Presiden parti.

Anwar, yang juga Timbalan Presiden Umno berkata dengan keputusan dan ketetapan itu, Umno berharap tidak ada pihak yang akan melayani apa juga percubaan yang ingin mengalih pandangan dan keutamaan kerajaan dalam menangani masalah ekonomi.

"Kita yakin insyaAllah, dapat kita tangannya sebaik mungkin dengan perpaduan dan jalinan perhubungan yang utuh dalam parti dan kerajaan," katanya.

Dr Mahathir yang dicadangkan oleh media asing supaya meletakkan jawatan berikutan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham yang dialami Malaysia sekarang, sebelum ini telah menerima sokongan daripada pelbagai pihak termasuk parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) dan parti pembangkang.

Mereka mahu Dr Mahathir terus memimpin negara dan terus berusaha mengatasi masalah itu.

Perdana Menteri sebelum ini pernah berkata bahawa ada pihak cuba menghalang beliau daripada terus bercakap mengenai isu perdagangan mata wang.

Sejak kebelakangan ini Malaysia lantang menyuarakan mengenai perlunya kawalan dan ketelusan dalam perdagangan mata wang bagi membendung kegiatan manipulasi dan spekulasi.

Malaysia turut mengemukakan cadangan-cadangan bagi mewujudkan peraturan berhemat perdagangan mata wang pada mesyuarat tahunan Tabung Kewangan Antarabangsa-Bank Dunia di Hong Kong baru-baru ini.

Syor itu dibuat berikutan serangan manipulasi dan spekulatif terhadap mata wang Asean yang bermula dengan baht Thai pada Julai lepas, yang menjejaskan ekonomi beberapa negara Asean. -- BERNAMA

AFY AZZ RON